

Filipina perlu henti operasi ketenteraan

BH 29 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia mahu Filipina memastikan operasi ketenteraan bagi menyelamatkan 17 tebusan termasuk tiga rakyat Malaysia di Pulau Jolo, berakhir segera.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia kluatir keselamatan dan kebajikan tebusan akan terjejas jika operasi ketenteraan menyeluruh yang dilancarkan sejak 13 hari lalu itu berlanjutan.

"Kita mahu kerajaan Filipina mengambil tindakan yang dapat menjamin rakyat Malaysia dan negara lain yang diculik dapat dibebaskan tanpa sebarang insiden buruk.

"Kita (Malaysia) berpendirian operasi itu perlu diselesaikan dengan cepat. Lebih lama keadaan ini berlanjutan ia akan lebih menyulitkan," katanya kepada pemberita selepas jamuan makan malam pertandingan badminton berpasukan peringkat Persatuan Kelab-kelab Belia

Malaysia (MAYC) di Wisma Belia di sini malam ini.

Syed Hamid mengesahkan laporan menyatakan tiga rakyat Malaysia yang diculik di Pulau Pandanan pada 10 September selamat walaupun pertempuran di antara tentera Filipina dan kumpulan Abu Sayyaf semakin sengit.

Ditanya apakah berita itu diterima sebelum laporan yang mengatakan seorang pemimpin Abu Sayyaf terbunuh dalam pertempuran terbaru, Syed Hamid berkata sumber laporan itu tidak dapat disahkan.

Katanya, apa yang dilaporkan agensi berita Barat tidak semestinya sesuatu yang berasal daripada sumber yang sahih.

"Sumber itu tidak boleh disahkan dan kita tidak punyai apa-apa berita yang mengatakan keadaan (rakyat Malaysia) adalah sebaliknya. Tidak ada berita yang negatif," katanya.

Sementara itu, mengulas kekeliruan mengenai status rakyat Filipina yang

mungkin melarikan diri ke Malaysia akibat serangan tentera negara itu di Pulau Jolo, Syed Hamid menjelaskan mereka akan dianggap sebagai pendatang tanpa izin dan dilayan mengikut undang-undang imigresen negara.

Beliau menjelaskan, ini adalah kerana Malaysia tidak menandatangani Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 Mengenai Status Pelarian Perang.

"Justeru, dari segi undang-undang Malaysia tidak mengiktiraf pelarian perang dan Malaysia hanya menjalankan tindakan mengikut undang-undang imigresen.

Ditanya kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini bahawa Malaysia akan menganggap rakyat Filipina yang lari ke negara ini sebagai pelarian perang, Syed Hamid berkata Dr Mahathir bermaksud mereka yang lari daripada perang dan bukan pelarian perang.